



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

TIADA ISU BERHUBUNG AKSES ORANG AWAM TERHADAP LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

Sehubungan dengan penularan pelbagai pertanyaan dan pandangan berhubung prosedur capaian maklumat berkaitan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin menegaskan komitmen berterusan Jabatan dalam memastikan pelaksanaan EIA di Malaysia dilaksanakan secara telus, teratur dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Pelaksanaan prosedur berkaitan EIA turut dilaksanakan mengikut tatacara yang telah dipersijilkan di bawah standard MS ISO 9001:2015 bagi memastikan setiap proses semakan dan keputusan dibuat secara profesional, sistematik serta berakuntabiliti.

Dalam memastikan ketelusan ini berterusan, bermula Januari 2025 dengan komitmen daripada pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) untuk memastikan orang ramai tiada keraguan terhadap Laporan EIA yang diluluskan oleh JAS. Jabatan ini masih menyediakan akses terhadap:

- i) Ringkasan Eksekutif Laporan EIA Jadual Pertama dan Jadual Kedua untuk rujukan umum melalui platform yang ditetapkan iaitu di laman web Perpustakaan Enviro Digital@JAS di pautan <https://edl.doe.gov.my/> sepanjang masa;
- ii) Bagi orang awam yang berminat untuk mengakses Laporan EIA secara penuh boleh mengisi borang permohonan rasmi yang boleh didapati dalam laman web Jabatan di pautan <https://www.doe.gov.my/perkongsian-data-dan-laporan/> dan dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat dan JAS Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam borang tersebut; dan
- iii) Akses Laporan akan dimaklumkan secara temujanji pada tarikh yang ditetapkan di Perpustakaan JAS.

Perkongsian Data dan Laporan JAS

Pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan keseimbangan antara prinsip ketelusan maklumat awam dengan tanggungjawab Jabatan dalam mengurus dokumen rasmi kerajaan secara terkawal dan bertanggungjawab. Ia juga mengambil kira aspek keselamatan, hak milik dokumen, serta keperluan pematuhan kepada dasar dan peraturan semasa yang berkaitan.

JAS ingin menegaskan bahawa fungsi dan bidang kuasa Jabatan adalah untuk menilai, menyemak dan mempertimbangkan Laporan EIA berdasarkan keperluan teknikal, pematuhan perundangan dan impak terhadap alam sekitar sebelum sesuatu projek diluluskan untuk dilaksanakan.

JAS akan terus memperkukuh pengurusan dokumen dan penyampaian perkhidmatan berkaitan EIA secara profesional, telus dan bertanggungjawab demi memelihara kelestarian alam sekitar serta kepentingan awam.

JABATAN ALAM SEKITAR

26 MEI 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763